



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

# GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM TAULIAH INDUSTRI DAN PROFESIONAL KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



**KPTiP**



**TABUNG**  
Pendidikan

BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

# **ISI KANDUNGAN**

**01 MAKLUMAT UMUM**

---

**02 PERMOHONAN**

---

**03 PROSES KELULUSAN**

---

**04 PROSES PENGURUSAN DANA KPTiP**

---

**05 PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PROGRAM**

---

**06 BAYARAN BALIK PINJAMAN**

# O1 MAKLUMAT UMUM

## 1.1 TUJUAN

- 1.1.1 Garis panduan ini bertujuan memberikan panduan dan rujukan bagi pelaksanaan Program Tauliah Industri dan Profesional Kementerian Pendidikan Tinggi [Profesional and Industrial Credential Programme (KPTiP)] untuk Pelajar Tahun Tiga dan Tahun Akhir di Universiti Awam dan Politeknik.

## 1.2 LATAR BELAKANG

- 1.2.1 Usaha meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan (GE) telah dinyatakan melalui inisiatif strategik yang terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM(PT)]. Pelan yang dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 7 April 2015 telah menggariskan komitmen Kementerian untuk melahirkan graduan yang memenuhi kehendak industri seterusnya memastikan kadar GE melebihi 80% setiap tahun sehingga 2025 dan usaha ini juga akan diteruskan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2025-2030. Hasrat ini turut diperkuuh melalui penetapan sasaran kadar GE di IPT sebagai salah satu daripada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di bawah Bab 10 iaitu Membangunkan Bakat Masa Hadapan dokumen Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi melahirkan graduan holistik yang seimbang dan bercirikan keusahawanan.
- 1.2.2 Selaras dengan itu, KPT telah menyediakan pelbagai inisiatif bagi melahirkan graduan yang berkualiti dan menepati kehendak industri semasa. Pelancaran Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 - 2025 (PSKG) pada 16 Oktober 2021 pula dilihat sebagai

respons strategik kementerian bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan secara komprehensif dengan matlamat untuk menghasilkan graduan kalis masa hadapan, holistik dan seimbang dengan nilai kebolehpasaran global.

- 1.2.3 Mengambil kira prestasi KPT dalam melaksanakan program-program Penjana KPT-Career Advancement Programme (KPT-CAP) dan KPT-Professional Certification (KPT-PACE) yang bertujuan menggalakkan penyertaan buruh dalam pasaran melalui program kemahiran golongan belia dan mereka yang menganggur semasa tempoh pandemik COVID-19 yang lalu, Kementerian mengadaptasi program ini dengan mewujudkan program KPTiP.
- 1.2.4 Program KPTiP ini akan menumpukan kepada kemahiran semula atau tambahan untuk peningkatan kadar kebolehpasaran graduan dan membantu graduan memperoleh pekerjaan dengan kadar gaji yang bersesuaian setara dengan kelayakan pendidikan.
- 1.2.5 KPTiP dilaksanakan secara geran padanan berbentuk pinjaman bersama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang menyasarkan latihan kompetensi/ pensijilan profesional berasaskan kepakaran kepada pelajar tahun tiga dan tahun akhir Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA). Program ini merangkumi latihan pengetahuan dan kemahiran, perkongsian maklumat dan teknologi oleh industri bagi memenuhi kehendak semasa pasaran.
- 1.2.6 Pelajar yang berjaya memperoleh kelulusan program dan menerima pensijilan profesional/ kompetensi akan menerima diskaun bayaran balik sebanyak 50% atau maksimum RM5,000.

## **1.3 KUMPULAN SASARAN**

1.3.1 Penyertaan adalah terbuka kepada pelajar tahun ketiga dan akhir Institusi Pendidikan Tinggi Awam; dan

Pelajar sedang mengikuti pengajian di peringkat Diploma dan ke atas.

## **1.4 PIHAK BERKEPENTINGAN**

1.4.1 Pihak berkepentingan yang akan menggunakan atau merujuk Garis Panduan Pelaksanaan Program KPTiP adalah seperti berikut:

### **1.4.1.1 Peringkat KPT**

- Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana KPTiP;
- Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana KPTiP;
- Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Program KPTiP; dan
- Urus setia Pengurusan Dana KPTiP.

### **1.4.1.2 Peringkat IPTA**

- Pengurusan Tertinggi;
- Pegawai Fokal Institusi/ Universiti;
- Ketua Penyelaras Program KPTiP;
- Bendahari;
- Pensyarah/ Tenaga Akademik; dan
- Pelajar tahun ketiga dan akhir di IPTA.

### **1.4.1.3 Umum**

- Badan Pensijilan; dan
- Rakan Industri.

## 1.5 OBJEKTIF

- 1.5.1 Meningkatkan nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah untuk membantu memperoleh pekerjaan yang relevan dengan keperluan industri;
- 1.5.2 Membantu meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan IPT secara keseluruhan kepada lebih 80% yang mana merupakan Key Performance Indicator (KPI) YB Menteri Pendidikan Tinggi, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Naib Canselor IPTA;
- 1.5.3 Membantu graduan mendapatkan pendapatan yang setara berdasarkan kelayakan pendidikan dan secara tidak langsung menggalakkan bayaran balik pinjaman pendidikan kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN); dan
- 1.5.4 Meningkatkan jaringan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi, IPTA dengan pihak industri menerusi perkongsian kemahiran, teknologi, pengetahuan serta kepakaran kepada graduan serta para pensyarah dan tenaga akademik IPTA.

## 1.6 TARIKH KUATKUASA

- 1.6.1 Garis Panduan Pengurusan Dana KPTiP ini adalah terpakai untuk semua program KPTiP berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2024.

## 1.7 URUS SETIA

1.7.1 Sebarang urusan berkaitan program KPTiP bolehlah dikemukakan kepada alamat berikut:

- Kementerian Pendidikan Tinggi

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perancangan Strategik (BPS)  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 3, No.2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5,  
62200, W.P Putrajaya  
No. Tel.: 03-88706000

- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Ketua Eksekutif  
Menara PTPTN, Blok D  
Megan Avenue II  
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng  
50450 Kuala Lumpur  
No. Tel.: 03-21931180

## 02 PERMOHONAN

### 2.1 SKOP PROGRAM

#### 2.1.1 Syarat Umum Permohonan

2.1.1.1 Terbuka kepada IPTA dalam kategori:

- Universiti Awam; dan
- Politeknik.

2.1.2 Program yang diluluskan perlu dilaksanakan dalam tempoh enam (6) bulan daripada dana disalurkan.

2.1.3 Sekiranya program tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan, pihak IPTA perlu membuat pemakluman rasmi kepada urus setia PTPTN dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh dalam kenyataan 2.1.2.

### 2.2 KRITERIA PERMOHONAN

2.2.1 Badan/ Agensi pentauliah perlu mengemukakan kertas cadangan yang lengkap, mempunyai kaedah pelaksanaan yang jelas dan menyokong keberhasilan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 – 2025 kepada IPTA yang bersesuaian dan akan diperaku oleh Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal.

2.2.2 Sebarang rayuan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perancangan Strategik, Kementerian Pendidikan Tinggi melalui surat rasmi.

### 2.3 KRITERIA PROGRAM

2.3.1 Kriteria program bergantung kepada objektif program yang dijalankan.

2.3.2 Permohonan program perlu mempunyai kriteria-kriteria berikut:

2.3.2.1 Tempoh program adalah tertakluk kepada perakuan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk KPTiP.

2.3.2.2 Program pensijilan yang diiktiraf oleh badan bertauliah/ industri dalam bidang berkenaan atau diperakui dan berdaftar dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi.

2.3.2.3 Tiada sebarang pertukaran program dibenarkan setelah permohonan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Induk.

## 2.4 PROSES PERMOHONAN

2.4.1 Permohonan dana bagi program KPTiP melibatkan beberapa proses seperti di Lampiran 1.

2.4.2 Permohonan program

2.4.2.1 Urus setia akan membuat hebahan pembukaan permohonan melalui emel atau sesi taklimat kepada semua Pegawai Fokal Program KPTiP yang telah dilantik di UA/Jabatan.

2.4.2.2 Permohonan program dikemukakan kepada urus setia dalam tempoh yang ditetapkan.

- 2.4.2.3 Borang permohonan seperti di Lampiran 2 boleh diperolehi melalui laman sesawang Portal PTPTN.
- 2.4.2.4 Borang permohonan berserta dokumen sokongan yang diterima pada atau sebelum tarikh tutup permohonan disemak untuk proses dokumentasi oleh urus setia.
- 2.4.2.5 Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana KPTiP.
- 2.4.2.6 Permohonan yang tidak lengkap namun berpotensi akan dikembalikan kepada pemohon untuk penambahbaikan.
- 2.4.2.7 Pinjaman ini akan dikreditkan terus ke akaun milik pelajar iaitu sama seperti pelaksanaan sedia ada di PTPTN.

## **03 PROSES KELULUSAN**

---

### **3.1 SYOR JAWATANKUASA TEKNIKAL PENGURUSAN DANA KPTIP**

- 3.1.1 Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif (KE) PTPTN akan menilai permohonan dengan mengambil kira faktor seperti berikut:
- 3.1.1.1 Kesesuaian dan kualiti program;
  - 3.1.1.2 Kadar bayaran yang dimohon adalah bersesuaian;
  - 3.1.1.3 Tempoh pelaksanaan program; dan
  - 3.1.1.4 Kesahihan maklumat permohonan.
- 3.1.2 Jawatankuasa ini akan menyediakan ulasan dan syor untuk pembentangan dan kelulusan Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana KPTiP. Senarai ahli jawatankuasa dan terma rujukan adalah seperti di Lampiran 3.
- 3.1.3 Sekiranya terdapat keperluan Jawatankuasaini boleh memintapemohon membuat pembentangan bagi memberi penjelasan yang diperlukan.

### **3.2 KELULUSAN JAWATANKUASA INDUK PENGURUSAN DANA KPTIP**

- 3.2.1 Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPT akan mempertimbang dan meluluskan syor Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana KPTiP. Senarai ahli Jawatankuasa dan terma rujukan adalah seperti di Lampiran 4.
- 3.2.2 Keputusan Jawatankuasa ini adalah muktamad.

## **04 PROSES PENGURUSAN DANA KPTIP**

### **4.1 PANDUAN PERBELANJAAN DANA**

- 4.1.1 Kementerian Ekonomi (KE) melalui Belanjawan 2024 telah meluluskan dana sebanyak RM30 juta kepada Bahagian Perancangan Strategik, Kementerian Pendidikan Tinggi dengan padanan dana tambahan berbentuk pinjaman sebanyak RM30 juta oleh PTPTN.
- 4.1.2 Siling program ditetapkan pada nilai kos RM10,000 bagi setiap peserta merangkumi sumbangan dana Kerajaan yang terhad kepada 50% atau maksimum RM5,000 sahaja. Walau bagaimanapun, sebarang lebihan kos program tertakluk kepada perakuan Jawatankuasa Teknikal Program.
- 4.1.3 Dana yang diluluskan hanya boleh digunakan bagi program yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana KPTiP di peringkat KPT.
- 4.1.4 Sekiranya terdapat sebarang pindaan bagi kelulusan asal program yang telah diluluskan perlu dimaklumkan secara bertulis kepada PTPTN/ KPT untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 4.1.5 Terdapat perbelanjaan yang memerlukan justifikasi dan tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana KPTiP adalah seperti berikut:
  - 4.1.5.1 Elaun (wang saku) pelajar semasa menjalani program;
  - 4.1.5.2 Elaun data internet pelajar semasa menjalani program;

- 4.1.5.3 Pemeriksaan kesihatan;
  - 4.1.5.4 Insurans;
  - 4.1.5.5 Penginapan/ pengangkutan perserta;
  - 4.1.5.5 Sewaan ruang kursus; dan
  - 4.1.5.7 Caj pengurusan perlaksanaan program.
- 4.1.6 Kementerian berhak menyemak semula kos pelaksanaan program atau tidak mempertimbangkan mana-mana permohonan yang tidak mematuhi panduan perbelanjaan Dana KPTiP setelah mengambil kira kajian pasaran.
  - 4.1.7 Proses perolehan dan kewangan hendaklah melalui proses kewangan PTPTN yang telah ditetapkan serta mematuhi peraturan dan tatacara kewangan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

## **05 PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PROGRAM**

### **5.1 PELAKSANAAN PROGRAM**

- 5.1.1 Semua program yang telah dimuktamadkan perlu dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 5.1.2 Semua pelajar yang akan menyertai program perlu melengkapkan maklumat permohonan sebelum program dilaksanakan untuk pinjaman PTPTN (Lampiran 5).
- 5.1.3 Program yang diluluskan perlu dilaksanakan dalam tempoh enam (6) bulan daripada dana disalurkan.
- 5.1.4 Dokumentasi berkaitan program perlu dikemas kini dari semasa ke semasa dan lengkap dengan senarai semak pengauditan (Lampiran 6)

### **5.2 PEMANTAUAN PROGRAM**

- 5.2.1 Pemantauan Program KPTiP diadakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun selepas proses penyaluran dana dilaksanakan.
- 5.2.2 Urus setia pengurusan dana KPTiP akan mengemukakan makluman melalui e-mel kepada Pegawai Fokal bagi tujuan pemantauan program.
- 5.2.3 Pegawai Fokal perlu memastikan borang pemantauan yang dihantar adalah lengkap dan selaras dengan kelulusan yang diterima.
- 5.2.4 IPTA perlu membenarkan KPT pada bila-bila masa untuk memantau pelaksanaan program termasuk penggunaan peruntukan dana KPTiP bagi memastikan dana tersebut digunakan mematuhi peraturan perbendaharaan yang telah ditetapkan.

5.2.5 Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Program KPTiP boleh:

5.2.5.1 Melaksanakan pemantauan menerusi mesyuarat yang diadakan dan dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik KPT. Senarai ahli jawatankuasa dan terma rujukan adalah seperti di Lampiran 7.

5.2.5.2 Sekiranya terdapat keperluan Jawatankuasa ini boleh meminta IPT membuat pembentangan bagi memberi penjelasan yang diperlukan.

### 5.3 PELAPORAN PROGRAM

- 5.3.1 Laporan Akhir bagi program yang telah mencapai sasaran perlu dikemukakan oleh IPTA kepada Kementerian dalam tempoh tiga (3) bulan selepas program selesai dengan menggunakan Format Laporan Akhir seperti di Lampiran 8.
- 5.3.2 Laporan program akan diteliti oleh Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Dana KPTiP.
- 5.3.3 Kelulusan diskaun bayaran balik (rujuk perenggan 6.1.1) adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pemantauan KPTiP ke atas laporan akhir yang dikemukakan.
- 5.3.4 Carta alir pelaksanaan dan pemantauan program KPTiP adalah seperti di Lampiran 9.


## **06 BAYARAN BALIK PINJAMAN**

---

### **6.1 KAEADAH BAYARAN BALIK**

- 6.1.1 Kaedah bayaran balik pinjaman program KPTiP adalah seperti berikut:
- 6.1.1.1 Pelajar yang lulus dan memperolehi sijil profesional/ kompetensi dalam tempoh program akan diberi pengecualian bayaran balik sebanyak 50% atau maksimum RM5,000 (terhad kepada sumbangan Kerajaan atas kos per peserta sahaja); dan
  - 6.1.1.2 Pelajar yang gagal memperolehi sijil profesional/ kompetensi dalam tempoh program perlu membayar balik keseluruhan yuran pinjaman.
- 6.1.2 Prosedur berkaitan bayaran balik adalah tertakluk kepada tatacara Jadual Bayaran Balik (JBB) yang akan disediakan oleh pihak PTPTN selepas tempoh program berakhir.

**CARTA ALIR**  
**PROGRAM TAULIAH INDUSTRI DAN PROFESIONAL**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPTIP)**



BORANG PERMOHONAN  
PROGRAM TAULIAH INDUSTRI DAN PROFESIONAL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPTIP)

PTPTN-P-03/34-2024



Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Tingkat Bawah, Menara PTPTN,  
Blok D, Megan Avenue II,  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng,  
50450 Kuala Lumpur

Careline: 03-2193 3000

Portal Rasmi: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)  
Aduan: <https://eaduan.ptptn.gov.my>

**BORANG PERMOHONAN MENDAPATKAN KEMUDAHAN PINJAMAN PROGRAM  
TAULIAH INDUSTRI DAN PROFESIONAL (KPTIP)**

1. Borang yang telah dilengkapi hendaklah dikemukakan kepada Ibu Pejabat PTPTN (Bahagian Dasar Pinjaman, Jabatan Dasar).
2. Pelanggan adalah dinasihati untuk membaca dan memahami Dasar Privasi dan Ke selamatan PTPTN sebelum melengkapkan borang. Dasar tersebut boleh dirujuk melalui Portal PTPTN.

**BAHAGIAN 1 – MAKLUMAT IPT**

Nama IPT	
Nama Program	
Bilangan Peserta (Orang)	
Kos (RM)	
Jumlah Keseluruhan (RM)	

**BAHAGIAN 2 – MAKLUMAT PROGRAM**

Nama Program	
Pensijilan	
Badan Pentaulahan	
Tempoh	
Bilangan Pelajar	
Kumpulan Sasaran	

**BAHAGIAN 3 – RINGKASAN PROGRAM**

Objektif Program	
Kaedah Pelaksanaan & Modul Program	
Dapatan Program	

## LAMPIRAN 2

<b>BAHAGIAN 4 – KOS PROGRAM DAN GAJI</b>	
Kos Keseluruhan/ pax	
Kos Dimohon (Total)	
Gaji Pasaran KSM	

<b>BAHAGIAN 6 – PENGAKUAN PEMOHON</b>
Saya dengan sesungguhnya mengaku bahawa:
(a) Penyataan-penyataan yang terkandung dalam borang ini dan dokumen-dokumen yang dilampirkan adalah BENAR sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya dan bersedia untuk memberikan penjelasan tambahan sekiranya diperlukan.
(b) Sekiranya permohonan ini diluluskan saya bersedia untuk mematuhi apa-apa syarat yang ditetapkan oleh PTPTN samada melalui Pekelliling-pekeliling atau surat yang diedarkan kepada saya.
(c) Dengan ini saya mengaku segala butiran yang diberikan adalah benar. Permohonan akan terbatas sekiranya maklumat yang diberikan didapati palsu.
<b>Ketua Penyelaras Program</b>
Tandatangan dan cap rasmi : .....
Nama : .....
Jawatan : .....
Tarikh : .....
<b>Nota :</b> Ketua Penyelaras Program boleh sama ada penyedia perkhidmatan/ pensyarah/ kakitangan IPT/ Jabatan

JAWATANKUASA TEKNIKAL  
PROGRAM TAUILAH INDUSTRI DAN PROFESIONAL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPTIP)

Pengerusi : Ketua Eksekutif Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Ahli Tetap :

- Timbalan Ketua Pengarah (Governan dan Pembangunan), Jabatan Pendidikan Tinggi
- Timbalan Ketua Pengarah (Governan), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
- Timbalan Setiausaha Bahagian (SKGK) BPS, KPT
- Pengurus Besar Kanan, Jabatan Dasar PTPTN
- Kementerian Sumber Manusia
- Malaysian Qualification Agency (MQA)
- Malaysian Investment Development Authority (MIDA)
- Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)
- PERKESO
- TalentCorp
- Human Resource Development Corporation (HRDC)

Urus Setia : PTPTN

Terma Rujukan (TOR)

1. Membincangkan dan mengemukakan cadangan berkaitan dasar dan pelaksanaan program;
2. Mengesyorkan program-program untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Induk bagi permohonan dana KPTiP daripada aspek pematuhan kriteria, kesesuaian modul, kos yang dipohon serta perkara yang berkaitan bidang kepakaran ahli; dan
3. Mengemukakan pandangan dan input yang bersesuaian bagi penambahbaikan pengurusan dana program KPTiP yang bersesuaian bagi pertimbangan Jawatankuasa Induk.

**JAWATANKUASA INDUK  
PROGRAM TAULIAH INDUSTRI DAN PROFESIONAL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPTIP)**

Pengerusi : Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Tinggi

Ahli Tetap :

- Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT (Pengerusi Ganti)
- Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), KPT
- Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
- Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
- Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik, KPT
- Ketua Eksekutif Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Urus Setia : Unit Kebolehpasaran Graduan dan Keusahawanan

**Terma Rujukan (TOR)**

1. Mempertimbang dan meluluskan syor dari Jawatankuasa Teknikal KPTiP;
2. Memuktamadkan perakuan permohonan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Teknikal KPTiP; dan
3. Menilai dan membuat keputusan berkaitan dasar dan pelaksanaan program KPTiP.

BORANG PERMOHONAN (PELAJAR)  
PROGRAM TAULIAH INDUSTRI DAN PROFESIONAL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI PROGRAM(KPTIP)



**TABUNG**  
*Pendidikan*

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
Tingkat Bawah, Menara PTPTN,  
Blok D, Megan Avenue II,  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng,  
50450 Kuala Lumpur

Careline: 03-2193 3000  
Portal Rasmi: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)  
Aduan: <https://eaduan.ptptn.gov.my>

BORANG PERMOHONAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI PROGRAM TAULIAH  
INDUSTRI DAN PROFESIONAL (KPTIP) BAGI TAHUN ..... (PELAJAR)

**1. MAKLUMAT PEMOHON**

Nama : \_\_\_\_\_  
No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
Warganegara : \_\_\_\_\_  
Bangsa : \_\_\_\_\_  
Agama : \_\_\_\_\_  
Jantina : \_\_\_\_\_  
Tarikh lahir : \_\_\_\_\_  
No. Telefon : \_\_\_\_\_  
E-Mel : \_\_\_\_\_  
Taraf perkahwinan : \_\_\_\_\_  
Nama IPT : \_\_\_\_\_

**2. MAKLUMAT AKAUN SIMPAN SSPN**

No. Akaun Simpan SSPN Prime : \_\_\_\_\_  
No. Akaun Simpan SSPN Plus : \_\_\_\_\_

## LAMPIRAN 5

### 3. MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Alamat Surat Menyurat : \_\_\_\_\_  
Poskad : \_\_\_\_\_  
Bandar : \_\_\_\_\_  
Negeri : \_\_\_\_\_  
No. Telefon Rumah : \_\_\_\_\_  
No.Telefon : \_\_\_\_\_  
E-mel : \_\_\_\_\_

### 4. MAKLUMAT MAJIKAN

Nama Majikan : \_\_\_\_\_  
Alamat Majikan : \_\_\_\_\_  
Poskad : \_\_\_\_\_  
Bandar : \_\_\_\_\_  
Negeri : \_\_\_\_\_  
No.Telefon Majikan : \_\_\_\_\_  
Jenis Pekerjaan : \_\_\_\_\_  
Gaji Kasar : \_\_\_\_\_  
Gaji Bersih : \_\_\_\_\_

### 5. PENERIMA BANTUAN JKM

No. Pendaftaran JKM : \_\_\_\_\_

### 6. MAKLUMAT ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Status : \_\_\_\_\_

### 7. MAKLUMAT ANAK YATIM

Status : \_\_\_\_\_

## LAMPIRAN 5

### 8. MAKLUMAT PASANGAN/ PENJAGA

Warganegara : \_\_\_\_\_  
No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_  
Alamat Surat Menyurat : \_\_\_\_\_  
Poskad : \_\_\_\_\_  
Bandar : \_\_\_\_\_  
Negeri : \_\_\_\_\_  
No. Telefon Rumah : \_\_\_\_\_  
No. Telefon : \_\_\_\_\_  
E-mel : \_\_\_\_\_  
Jenis Pekerjaan : \_\_\_\_\_  
Gaji Kasar : \_\_\_\_\_  
Gaji Bersih : \_\_\_\_\_  
Jumlah Tanggungan : \_\_\_\_\_

### 9. MAKLUMAT PENGAJIAN PINJAMAN PTPTN SEDIA ADA

Tahun Semasa Pengajian :  Tahun Ke-Tiga (3)  
 Tahun Ke-Empat (4) atau Akhir

Jenis IPT : \_\_\_\_\_  
Nama IPT : \_\_\_\_\_  
Mod Pengajian : \_\_\_\_\_  
Peringkat Pengajian : \_\_\_\_\_  
Nama Program : \_\_\_\_\_  
Tempoh Program : \_\_\_\_\_  
Tarikh Mula Pengajian : \_\_\_\_\_  
No. Matrik : \_\_\_\_\_  
Nama Bank : \_\_\_\_\_  
No. Akaun : \_\_\_\_\_

## LAMPIRAN 5

### 10. MAKLUMAT PROGRAM PENSIJILAN PROFESIONAL

Nama Program : \_\_\_\_\_  
Mod : \_\_\_\_\_  
Peringkat pengajian : \_\_\_\_\_  
Tempoh Pengajian : \_\_\_\_\_

### 11. PENGAKUAN PEMOHON

Dengan ini saya mengaku segala butiran yang diberikan adalah benar. Permohonan akan terbatal se kiranya maklumat yang diberikan didapati palsu.

.....  
Nama :

Tarikh :

### 12. SEMAKAN KELAYAKAN PEMOHON (UNTUK KEGUNAAN PTPTN SAHAJA)

Status permohonan dengan pinjaman yang sedia ada : \_\_\_\_\_

Semakan No. Akaun Simpan SSPN Prime/ Plus : \_\_\_\_\_



**SENARAI SEMAK PENGAUDITAN  
PROGRAM TAULIAH INDUSTRI DAN PROFESIONAL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPTIP)**

**NAMA PROGRAM :**

BIL	SENARAI SEMAK	YA	TIDAK
<b>A. MAKLUMAT PROGRAM</b>			
1.	Borang Permohonan		
2.	Dokumen kelulusan daripada Kementerian		
3.	Laporan status pelaksanaan program  Maklumat asas yang diperlukan dalam laporan: a) Status program (selesai/ sedang/ belum) b) Maklumat peserta c) Tarikh/ jangka pelaksanaan d) Badan Pentauliah e) Kaedah perolehan f) Aktiviti/ modul program g) Kos perbelanjaan (perincian perbelanjaan) h) Pencapaian		
<b>B. MAKLUMAT PROGRAM</b>			
1.	Baucar bayaran daripada KPT		
2.	Penyata perbelanjaan program		
3.	Baucar bayaran bersiri		
4.	Invois bayaran		
<b>C. PENGURUSAN PEROLEHAN</b>			
1.	Sebut harga daripada Badan Pentauliah		
2.	Surat Setuju Terima		
3.	Dokumen perolehan berkaitan		

JAWATANKUASA PEMANTAUAN  
PROGRAM TAULIAH INDUSTRI DAN PROFESIONAL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPTIP)

Pengerusi : Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik  
Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

Ahli Tetap :

- Timbalan Setiausaha Bahagian (SKGK) BPS, KPT
- Timbalan Setiausaha Bahagian (Kewangan), KPT
- Ketua Pegawai Operasi, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
- Pengarah Bahagian Kecemerlangan Akademik, JPT
- Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti, JPPKK

Urus Setia : Unit Kebolehpasaran Graduan dan Keusahawanan dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)


Terma Rujukan (TOR)

1. Menilai pelaksanaan, prestasi perbelanjaan dan pencapaian Program KPTiP bagi penambahbaikan program; dan
2. Mengemukakan pandangan dan input yang bersesuaian bagi penambahbaikan pengurusan dana program KPTiP yang bersesuaian bagi pertimbangan Jawatankuasa Induk.

**LAPORAN AKHIR  
PROGRAM TAULIAH INDUSTRI DAN PROFESIONAL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPTIP)**

 <b>KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI</b>	<b>TEMPLAT LAPORAN AKHIR PROGRAM TAULIAH INDUSTRI DAN PROFESIONAL KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPTIP)</b>
<b>A. Maklumat pelaksanaan program</b>	
1. Nama program	
2. Tarikh, masa dan tempat pelaksanaan program	
3. Jumlah sasaran peserta, bilangan peserta yang dilatih dan status peserta	
4. Latar belakang program	
5. Maklumat industri/ badan pentauliahan terlibat	
6. Objektif program	
7. Pengisian program/modul	
<b>B. Kewangan</b>	
1. Jumlah Peruntukan yang diterima	
2. Jumlah perbelanjaan	
3. Baki peruntukan	
<b>C. Impak program</b>	
1. Ulasan keberhasilan berdasarkan objektif program <i>(contoh : Analisa pre dan post program)</i>	
<b>D. Perakuan dan pengesahan</b>	
1. Ulasan dan perakuan oleh Pegawai Fokal	
2. Ulasan dan pengesahan oleh Timbalan Naib Canselor	
<b>E. Lampiran</b>	
1. Salinan terma rujukan yang telah ditandatangani	
2. Gambar dan video dengan resolusi tinggi	
3. Senarai dan maklumat peserta	
4. Senarai perbelanjaan yang disahkan oleh Bendahari	
5. Salinan pensijilan	

**CARTA ALIR PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN  
PROGRAM TAUILAH INDUSTRI DAN PROFESIONAL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPTIP)**

**PELAKSANAAN PROGRAM**

Program yang diluluskan perlu dilaksanakan dalam tempoh enam (6) bulan daripada dana disalurkan.

**PEMANTAUAN PROGRAM**

Pemantauan pelaksanaan program dilakukan satu (1) kali bagi memastikan program dilaksanakan mengikut terma dan syarat dalam kertas cadangan yang diluluskan.

**PELAPORAN AKHIR**

Laporan akhir program perlu dilengkapkan dengan lengkap dalam tempoh dua (2) bulan selepas pelaksanaan program mengikut format yang disediakan.

**SEMAKAN LAPORAN PROGRAM**

Laporan program akan disemak oleh jawatankuasa pemantauan.